

**DIARI
RAUDAH**

167 keluarga orang asli terjejas mata pencarian dibantu

RIAK gembira dan teruja jelas terpancar pada wajah 167 buah keluarga orang asli yang menerima sumbangan makanan menerusi kempen kebajikan komuniti viral #AyamBersamaMu baru-baru ini.

Mereka terdiri daripada penduduk Kampung Orang Asli Changkat Bintang di Selangor, Kampung Kangkar Senanga di Johor, Kampung Teluk Gunung di Pahang dan Kampung Orang Asli Tibang di Perak yang menerima sumbangan di perkampungan masing-masing.

Kempen berkenaan digerakkan oleh Ayam Brand dan turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (Jakoa) buat mereka yang terjejas mata pencarian susulan pandemik Covid-19.

Ketua Pengarah Jakoa, Prof Dr Juli Edo berkata, pihaknya menyambut baik kempen berkehaan sebagai sokongan dalam bentuk nyata dan psikologi bagi komuniti orang asli menerusi sumbangan makanan keperluan dalam tempoh yang sukar ini.

"Walaupun sudah ada pakej rangsangan yang disediakan untuk orang asli telah membantu banyak komuniti, tetapi mereka masih menghadapi

cabaran ekonomi, khususnya dalam menyara hidup keluarga.

"Kempen #AyamBersamaMu ini merupakan bantuan yang positif dan tepat pada masanya bagi komuniti orang asli. Mereka tidak keseorangan menghadapi situasi sukar ini. Ada organisasi dan individu yang prihatin akan nasib mereka," katanya.

Sementara itu, Ketua Kampung Orang Asli Teluk Gunung, Harun Abdullah berkata, sumbangan berkenaan dianggapnya sebagai durian runtuh. Masakan tidak, kesukaran aktiviti ekonomi di kawasannya telah berkurangan menyebabkan tidak banyak peluang untuk menampung ekonomi keluarga.

"Sumbangan Jakoa dan Ayam Brand meringankan kesusahan kami dalam menyara keluarga," katanya mewakili 49 keluarga di perkampungan berkenaan.

Kempen kebajikan komuniti #AyamBersamaMu antara lain turut memberi sokongan kepada barisan hadapan di Hospital Sungai Buloh, golongan gelandangan, orang kurang upaya, anak yatim, ibu tunggal dan orang tua sejak wabak Covid-19 melanda negara.



DR JULI EDO (kiri) ketika menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penduduk Kampung Orang Asli Kangkar Senanga baru-baru ini.